

18 MAR 2001

Mahathir-F1

F1 GALAKKAN INDUSTRI SUKAN BERMOTOR MALAYSIA, KATA DR MAHATHIR

SEPANG, 18 Mac (Bernama) -- Minat yang dirangsangkan daripada Grand Prix Petronas Malaysia akan menggalakkan pertumbuhan sukan bermotor di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ini katanya bukan hanya memberi manfaat kepada para peminat sukan tetapi juga industri automatif domestik.

"Dalam dua tahun Grand Prix Petronas Malaysia telah meningkatkan penglibatan Malaysia dalam sukan bermotor dan menempa nama Malaysia dalam kalendar sukan bermotor antarabangsa," kata Dr Mahathir dalam perutusannya pada buku cendermata Grand Prix Petronas Malaysia.

Menurut Dr Mahathir, melalui publisiti besar-besaran sempena acara itu sepanjang 17 pusingan yang diadakan, "imej Malaysia akan terus ditonjolkan secara positif, menjadikan Grand Prix Petronas Malaysia semakin penting."

"Saya mahu mengucapkan tahniah kepada Sepang International Circuit dan syarikat induknya, Malaysia Airport Holdings Berhad kerana usahanya yang cemerlang."

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada FIA (Federation Internationale de l'Automobile), FOM (Formula One Management) dan para pegawai mereka. Kepada para penaja terutama Petronas, saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas saya terhadap sokongannya yang berterusan," kata Dr Mahathir.

Litar FI Sepang di sini, yang dibina dengan kos RM286 juta menjadi tuan rumah Grand Prix Malaysia buat kali ketiga.

Dr Mahathir merupakan penggerak utama penganjuran perlumbaan F1 yang diadakan di sini pertama kalinya pada 1999.

Sejumlah 22 pemandu daripada 11 pasukan mengambil bahagian pada perlumbaan tahun ini bagi pusingan kedua.

-- BERNAMA

RV RV RON